

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

SOALAN NO. 368

Y.B. DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah diserahkan dari jumlah peruntukan yang diluluskan kepada sekolah persendirian dan kolej swasta perbandingan antara tahun 2018 dan 2019; dan nyatakan jenis sekolah dan nama kolej-kolej swasta tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2018, peruntukan tidak diberikan kepada sekolah persendirian. Manakala bagi kolej swasta, RM30 juta telah disalurkan kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman (KUTAR).

Manakala bagi tahun 2019, Kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM12 juta kepada 62 buah sekolah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC). Sekolah Tahfiz pula menerima peruntukan sebanyak RM50 juta untuk untuk kerja-kerja penaiktarafan dan penyelenggaraan. Selain itu, RM25 juta juga telah diperuntukkan untuk Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Persendirian di mana pengagihan peruntukan akan ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Kesemua ini tidak diperuntukkan dalam Belanjawan 2018.

Kerajaan juga telah menyalurkan peruntukan kepada institusi pendidikan tinggi swasta yang bukan bermotifkan keuntungan seperti berikut:

1. Universiti Islam Malaysia (UIM), Cyberjaya - RM15 juta;
2. Han Chiang University College of Communication (HCUCC) - RM2 juta;
3. New Era University College (NEUC) - RM2 juta; dan
4. Southern University College - RM2 juta